

Title	Penceritaan dalam pendidikan: Kaedah membaca bersama dalam pengajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di Singapura
Author	Hjh. Kamsiah Hj. Abdullah
Source	<i>Pesta Bercerita: 'Warisan kelmarin kebanggaan hari ini' (1994), Kuala Lumpur, Malaysia 25 – 26 Ogos 1994</i>

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.



BENGKEL BERCEKITA

WARISAN KELMARIN KEBANGGAAN HARI INI

Anjuran
Pustaka Peringatan Kuala Lumpur
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

dengan kerjasama
Dewan Bahasa dan Pustaka

pada 25 dan 26 Ogos 1994

di Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur

Penaja Utama
Japan Foundation
Tokyo Club
Kasumi Kaikan
Shoyu Club



NATIONAL INSTITUTE OF EDUCATION
LIBRARY, SINGAPORE

**Penceritaan dalam Pendidikan: Kaedah Membaca Bersama Dalam
Pengajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua di
Singapura**

Hjh. Kamsiah Hj. Abdullah

National Institute of Education

Nanyang Technological University

Singapore

Tradisi bercerita telah kita warisi sejak zaman berzaman, turun-temurun . Dari cerita-cerita yang kita dengar secara lisan yang disampaikan oleh orang-orang tua kita, kita dapat mengetahui dan menghayati pelbagai mitos, cerita rekaan, cerita-cerita jenaka, syair dan pantun. Kita dibawa ke kayangan, ke dunia orang-orang bunian, istana istana indah, kita berkhayal tentang puteri-puteri raja yang jelita, awang kenit, sang kancil dan lebai malang - bahkan melalui cerita-cerita yang disampaikan secara mulut inilah kita menerap sebahagian besar nilai-nilai murni datuk nenek kita yang menjadi tunjang dan teras penghidupan kita di hari muka. Bagi mereka yang tidak mendapat pendidikan formal di sekolah, sesi bercerita menjadi suatu saluran penting bagi menanam unsur dan benih pendidikan tidak formal - segala ajaran, ibarat dan panduan yang didapati dalam cerita-cerita itu dapat disampaikan dengan secara halus dan tidak langsung, tetapi tetap berkesan dan tersimpan di dalam ingatan.

Tidak dapat dinafikan bahawa sesi bercerita, seperti yang tergambar di atas telah semakin terhakis dan tidak dapat melawan

arus perkembangan program televisyen zaman ini. Kini kebanyakan ibu bapa dan datuk nenek keluar bekerja dan tidak lagi punya banyak masa untuk berinteraksi dengan anak-anak di rumah. Rancangan-rancangan TV yang begitu popular, mengambil tempat "pengasuh", mungkin juga "pendidik". Di dalam masyarakat, TV mengambil alih peranan "penglipur lara" yang utama. Menonton TV sebagai pengganti cerita-cerita penglipur lara ada kebaikannya, tetapi amalan membaca buku sama ada buku-buku ilmiah atau cereka mestilah diutamakan.

Untuk menggalakkan pembacaan, setiap tahun misalnya, telah diadakan "Bulan Membaca Kebangsaan"; kerap juga diadakan syarahan, seminar dan bengkel membaca yang dianjurkan oleh perpustakaan, badan-badan sosial seperti MENDAKI atau Persatuan Membaca dan Literasi. Sesi-sesi bercerita di perpustakaan dan pertandingan bercakap petah dan bercerita diadakan di peringkat sekolah dan juga kebangsaan. Tradisi lisan dan bercerita dari mulut ke mulut telah beransur-ansur diganti dengan amalan membaca buku cerita dan membacakan buku kepada anak-anak tetapi usaha membudayakan tabiat membaca terutama di kalangan masyarakat Melayu masih belum mendapat hasil yang memuaskan. Kalau adapun ibu bapa yang membacakan buku cerita untuk anak-anak misalnya di kalangan ibu bapa muda yang berpendidikan, lebih ramai yang membacakan buku-buku cerita (kebanyakan buku-buku Inggeris) kepada anak-anak mereka. Lantaran itu, kanak-kanak Singapura lebih mesra dengan watak *Cinderella* dan *The Three Little Pigs* dari Bawang Putih Bawang Merah ataupun Si Tanggung.

Penyaluran Nilai Tradisi

Sebagai bangsa Timur yang mewarisi tradisi yang begitu kaya dengan nilai-nilai murni ini, sesuatu mestilah dilakukan supaya nilai-nilai tersebut dapat diturunkan kepada generasi muda dan dalam hal ini pengajaran dan pembelajaran bahasa ibunda (bahasa Mandarin, Melayu dan Tamil) memainkan peranan yang sungguh penting. Penerusan budaya dan nilai-nilai ketimuran melalui pembelajaran bahasa ibunda menjadi salah satu matlamat utama pembelajaran Bahasa Melayu di Singapura (di samping keupayaan menggunakan bahasa sasaran untuk berkomunikasi).

Konteks pembelajaran bahasa Melayu hari ini dan dahulu sudah begitu berbeza. Dalam tahun-tahun pra-1965 sebilangan besar kanak-kanak bersekolah dalam aliran Melayu dari peringkat sekolah rendah ke peringkat menengah. Keadaan kini pula berbeza - hampir semua kanak-kanak Melayu, kecuali mereka yang bersekolah agama sepenuh masa, belajar dalam aliran kebangsaan di mana Bahasa Inggeris menjadi bahasa pengantar semua mata pelajaran kecuali pelajaran Pendidikan Moral yang diajar dalam bahasa ibunda.

Kini Bahasa Melayu dituturkan oleh 89.3% sebagai bahasa yang paling kerap digunakan, dan ada sebilangan kecil bangsa Melayu 10.6% yang menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya di rumah.(1) Selain dari itu hampir semua murid Melayu kini belajar dua bahasa, mereka terpaksa menguasai dua bahasa dengan kukuh, iaitu

(1) Perangkaan berdasarkan kohort 1990, Straits Times, 18 Nov 1990.

BI dan bahasa ibunda masing-masing. Sistem persekolahan di Singapura menekankan kecekapan dwibahasa - bahasa Inggeris sebagai bahasa untuk domain pekerjaan, perniagaan, pendidikan dan juga antara bangsa dan antara kaum, dan bahasa ibunda untuk domain keluarga, budaya dan bangsa. Bagi murid-murid Melayu ini bermakna mereka semua telah atau akan menjadi penutur dwibahasa Melayu dan Inggeris. Tidak syak lagi timbul kekhawatiran bahawa penguasaan bahasa Inggeris akan menghakis atau sekurang-kurangnya menjejaskan penyaluran nilai tradisi.

"The traditional values of the East in Chinese, Malay and Tamil culture can be diluted and dissipated as these non-English-medium schools are phased out". (Chen, 1983)

Bagaimanakah kita mengekalkan nilai-nilai ketimuran khususnya nilai-nilai kemelayuan kita? Tentulah sebahagian besarnya menerusi pengajaran-pembelajaran bahasa Melayu. Kepentingan pengajaran bahasa Melayu yang mendukung dwifungsi - fungsi komunikasi dan juga fungsi penyambung nilai-nilai tradisi dalam dalam hal ini semakin terasa.

Penceritaan, dalam bahasa ibunda, sama ada dalam bentuk lisan atau membaca buku cerita adalah saluran yang baik untuk penyaluran nilai. Salah satu kaedah yang menerapkan unsur-unsur yang baik dalam kaedah bercerita dan bacaan ialah kaedah membaca bersama.

Kaedah Membaca Bersama

Pendekatan menggunakan buku besar atau Pendekatan Membaca Bersama telah diperkenalkan dalam kursus Diploma Pendidikan Pengkhususan Bahasa Melayu oleh Unit Pengajian Melayu Institut Pendidikan Kebangsaan Singapura dalam tahun 1987 (Kamsiah Abdullah 1990). Pendekatan ini ialah salah satu variasi dari Pendekatan Pengalaman Berbahasa (Language Experience Approach) yang mula diperkenalkan oleh Holdaway (1979), dan digunakan oleh Kementerian Pelajaran Singapura dalam Pengajaran Bahasa Inggeris peringkat Primary 1 hingga 3. Kini telah hampir delapan tahun, penuntut Diploma Pendidikan dan Diploma Pos-siswazah diperkenalkan dan mengamalkan kaedah ini dalam pengajaran bahasa semasa "Latihan Mengajar". Sebilangan kecil guru-guru Melayu di sekolah rendah (yang mengikuti bengkel dan seminar pengajaran Bahasa Melayu) juga mempraktikkan kaedah ini dalam mengajar bacaan bagi murid-murid Primary 1 hingga 4. Penulisan dan penjilidan (dan diharapkan penerbitan buku-buku besar) sedang dilakukan, dan sejauh ini terdapat lebih kurang 50 buah buku besar hasil percubaan dan latihan ilmiah. Sebagai usaha permulaan keberkesanan kaedah ini dalam beberapa aspek telah dapat diperhatikan, walaupun satu kajian experimental dan empirikal belum dapat dijalankan.

Dalam pengajaran bahasa Inggeris, Ng Seok Moi (1986) telah melakukan satu penyelidikan tentang keberkesanan kaedah ini apabila dilaksanakan kepada murid-murid melalui program REAP (Reading and English Acquisition Programme). Murid-murid yang

mengikuti program tersebut datang dari sekolah-sekolah yang mempunyai prestasi *Primary School Leaving Examination* (PSLE) yang di bawah purata kebangsaan, kebanyakan dari mereka datang dari keluarga yang tidak berlatarkan bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun dalam penyelidikan eksperimentalnya, Ng menggunakan sampel 4947 orang murid yang datang dari 10 buah sekolah yang mengamalkan REAP dengan kumpulan terkawal 10 buah sekolah yang tidak menggunakan kaedah ini. Kedua-dua kumpulan eksperimental dan kontrol diuji dalam beberapa aspek termasuk ketepatan pembacaan dan kefahaman, pengetahuan tentang fonik, kosa kata penulisan dan bahasa lisan. Alat-alat uji yang digunakan beliau merupakan alat uji yang standard seperti *Neale Analysis of Reading Ability* (Neale 1969) *Diagnostic Decoding Inventory* (Young, 1972), *Writing Vocabulary* (Clay, 1985) dan *Record of Oral Language* (Clay, Gill, Glynn, McNaughton & Salmon, 1983). Di samping itu satu lagi alatuji - *Retell-A-Story* yang ditubuhkan oleh Ng telah juga digunakan.

Dapatan dalam kajian ini jelas menunjukkan keberkesanan kaedah REAP, murid-murid REAP mendapat min yang lebih tinggi dan signifikan dalam semua jenis ujian kecuali *Inventory Dekoding Pemulihan dan Penulisan Kosa Kata*. Dalam "Menceritakan Semula" penyampaian / penghasilan bahasa lisan, penguasaan tatabahasa dan kecekapan murid-murid dalam struktur frasa berbentuk naratif telah diuji. Murid-murid REAP nyata menunjukkan prestasi lebih baik dalam semua aspek gerak kerja tersebut. Ng Seok Moi merumuskan bahawa pengetahuan struktur naratif adalah satu asset yang penting dalam pembelajaran kerana prosa jenis naratif inilah

yang menjadi asas kebanyakan pembelajaran di peringkat rendah.

Kepentingan struktur naratif dan "tatabahasa cerita" - *story grammar* (Rumelhart, 1975) dan "skema cerita" - *story schema* (Thorndyke, 1977, Mandler and Johnson, 1977) yang berkaitan dengan bagaimana sesuatu cerita itu disusun telah dibuktikan. Tatabahasa cerita Thorndyke melambangkan suatu skema pembaca tentang bentuk naratif yang bersamaan dengan rumus-rumus tatabahasa dalam membentuk suatu setting, tema, plot dan penyelesaian. Kategori-kategori yang kompleks ini berbentuk hieraki, dan menurut satu set peraturan nahu dan mewakili skema nurani pembaca. Skema cerita ini penting dalam proses pemahaman sesuatu teks yang berbentuk naratif dan dalam memberi respon yang berbentuk afektif. Lantaran ini apa saja bentuk penceritaan sama ada kegiatan mendengar cerita secara lisan, dibacakan buku cerita, atau membaca buku cerita sendiri akan memperkaya dan membantu murid memperoleh skema cerita yang lebih padat dan kompleks.

Tidak hairan jika pendekatan menggunakan cerita - yang berbentuk cerita-cerita contoh dan juga usaha "menaratifkan" bentuk ekspositori dalam mengajar matapelajaran sains sekalipun didapati berkesan dan memudahkan pembelajaran. Ini ialah kerana kanak-kanak biasanya lebih terdedah dengan bentuk cerita dan oleh yang demikian mempunyai semacam skema cerita yang lebih mantap dari skema ekspositori di dalam pemikiran masing-masing.

Bagi saya, dalam darjah atau kelas di mana matlamat

pembelajaran bahasa ialah penguasaan kemahiran-kemahiran bahasa seperti mendengar, bertutur, membaca dan menulis, amat baik jika dapat digabungkan aktiviti "bercerita" - dengan lain perkataan menggunakan skema cerita yang ada pada murid, untuk mencapai matlamat pembelajaran. Ringkasnya, skema cerita yang ada pada murid dapat dimanfaatkan dengan baik dalam pengajaran bacaan, kefahaman, menulis dan lain-lain.

Satu cara terbaik untuk menggabungkan unsur-unsur bernilai dalam kaedah bercerita (secara lisan) dengan kaedah bacaan ialah kaedah membaca bersama. Menerusi kaedah ini bahan-bahan bacaan seperti cerita-cerita masyarakat, cerita-cerita penglipur lara, cerita-cerita binatang dan lain-lain dapat diperkenalkan semasa fikiran murid-murid masih "cair" - segar dan mudah ingat.

Dalam beberapa aspek kaedah membaca bersama (yang menekankan pembacaan) dapat mengatasi kaedah bercerita (yang menekankan aspek lisan sahaja) walaupun dalam kedua-dua pendekatan, 'keseronokan' semasa mendengar cerita (atau mendengar cerita dibacakan) amat dipentingkan. Tetapi apakala dalam kaedah bercerita 'penceritaan' (skema cerita) dalam bentuk lisan menjadi matlamat terakhir, tetapi dalam kaedah membaca bersama 'penceritaan' berperanan sebagai alat untuk menguasai kemahiran membaca.

Melalui cerita-cerita baru dengan mudah murid juga dapat memahami konsep masa, tempat dan urutan secara kasar - yang penting mereka sedar bahawa cerita-cerita itu adalah rekaan bukan

benar-benar berlaku - bahkan mereka sendiri berupaya mengarang dan mengolah cerita mereka sendiri. Pembacaan cerita-cerita baru dan menarik akan mempergunakan dan meluaskan skema mereka tentang cerita dan penceritaan.

Ciri-ciri penting kaedah membaca bersama

Ciri penting kaedah ini ialah penggunaan buku-buku cerita yang besar saiznya. Murid-murid berkumpul di hadapan darjah, guru duduk membaca buku dengan menggunakan penunjuk untuk menunjuk kepada setiap perkataan. Murid-murid membaca bersama-sama guru, membaca bersendirian, berkumpul atau hanya mengikut-ikut sahaja berdasarkan kemampuan masing-masing. Mereka tidak diminta membaca secara perseorangan dan bergilir-gilir seperti dalam kaedah biasa. Jika mereka belum boleh membaca (membaca nyaring) mereka tidak disuruh membaca bahkan dibiarkan mereka menikmati cerita dengan mengikut guru atau kawan-kawan mereka. Pokoknya ialah murid-murid dapat membaca mengikut kemampuan individu - mereka yang lancar dan sudah boleh membaca akan dapat membaca mengikut kelajuan yang terdaya tetapi bagi mereka yang lemah sekurang-kurangnya mereka dapat menikmati cerita dalam suasana yang tenteram, tanpa tekanan; bahkan kebolehan membaca adalah sekunder jika dibandingkan dengan kenikmatan *mengalami* cerita.

Pelbagai kemahiran bahasa digabungjalin dalam sesi membaca bersama. Aktiviti seperti meramal, berbincang, melukis, menulis dan berlakun disertakan sama ada diselang-seli dalam pembacaan ataupun sebagai aktiviti susulan. Langkah-langkah yang biasa

digunakan dalam kaedah ini ialah seperti berikut:

Pelajaran 1

1. menimbulkan suasana - membaca pantun, syair, sajak, teka-teki, menyanyi dan sebagainya.
2. Memperkenalkan cerita - membincangkan tajuk / judul cerita, kulit buku atau watak-watak dalam buku.
3. Pembacaan pertama - guru membaca dengan intonasi dan gaya yang menarik sementara murid mendengar (murid boleh ikut). Penunjuk digunakan untuk menunjuk pada perkataan yang dibaca. Guru meminta murid meramal jalan cerita atau watak.
4. Pembacaan semula - guru membaca terus bersama murid dengan menunjukkan pada perkataan yang dibaca dengan menggunakan penunjuk.
5. Pengajaran butiran atau kemahiran - guru mengajar sesuatu kemahiran bahasa yang khusus.
6. Gerak kerja susulan - lakonan, penulisan, penceritaan semula dan sebagainya.

Pelajaran 2

1. Pembacaan semula bersama-sama.
2. Perbincangan lanjutan atau kaitkan dengan pengalaman murid.
3. Mengajar isi pelajaran tertentu seperti ejaan, tatabahasa, kosa kata dan sintaksis.
4. Aktiviti susulan - latihan individu atau berkumpulan.

Keperluan menggunakan buku cerita

Melalui cerita pengalaman dan jangkauan imaginasi kanak-kanak dapat diperluas - lebih luas dari batas keempat tembok bilik darjah mahupun kejiranan. Dunia cerita adalah satu pentas yang membolehkan murid keluar dari batas fizikal masuk ke alam imaginasi seluas jangkauan fantasi mereka. Tidak syak lagi cerita ialah wadah ekspresif yang patut sekali disuburkan dalam diri kanak-kanak.

Cerita mewujudkan punca bercakap ataupun modal perbincangan yang sangat baik. Bahasa dalam cerita menyedarkan murid-murid tentang potensi luas bahasa yang simbolik dan kuasanya dalam penciptaan dunia imaginasi melalui perkataan-perkataan yang dilambangkan oleh simbol-simbol yang bebas dari ikatan objek dan peristiwa.

Di samping itu dalam proses ini mereka dapat membina model mental tentang dunia luar dan luas, sejajar dengan konsep baru dan kosa kata baru yang diserapi mereka. Mereka juga terdedah dengan struktur bahasa yang baik - bahasa formal atau bahasa buku yang tepat dan indah tidak seperti dalam penceritaan lisan dan spontan yang lebih mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur peribadi pencerita seperti pilihan kata-katanya, intonasinya, gaya berceritanya, bahasanya, ingatannya dan lain-lain. Pendek kata kalau bahasa lisan pencerita baik maka baiklah input bahasa yang diterima kanak-kanak, dan begitulah sebaliknya. Pendeknya bahasa "buku" biasanya lebih baik dan konsisten dari bahasa lisan.

Satu perkara lagi ialah tentang plot cerita dalam sesebuah buku yang konsisten, tidak dapat diubah-ubah mengikut selera rasa pencerita.

Pendekatan Dwibahasa - Kaedah Membaca Bersama Buku-buku Melayu dan Inggeris?

Matlamat sistem pelajaran Singapura ialah membentuk rakyat yang dwibahasa dalam bahasa Inggeris dan bahasa ibunda. Literasi fungsional dalam sekurang-kurangnya dua bahasa ini saya rasa dapat diperteguh dengan menggunakan Pendekatan Dwibahasa Dalam Pengajaran Bahasa (bilingual language teaching approach).

Perkara pertama yang diperlukan ialah buku-buku cerita yang sama dalam dua bahasa, misalnya bahasa Melayu dan Inggeris. Buku-buku yang asalnya dalam bahasa Inggeris boleh dimelayukan dan begitu juga sebaliknya, tetapi ilustrasi dan grafik perlu dikekalkan. Buku-buku tersebut kemudian boleh diperbesar untuk kegunaan kaedah membaca bersama dalam pengajaran kedua-dua bahasa tersebut.

Dalam pendekatan ini, skema cerita yang sama untuk kedua-dua cerita membebaskan murid untuk memberi tumpuan yang lebih kepada bahasa sasaran yang mereka hendak kuasai / lemah. Murid-murid dapat dilatih secara langsung dan tidak langsung untuk mengalih dan menterjemah kod. Walaupun dalam kaedah ini pembacaan dilakukan seperti biasa di mana dilakukan pembacaan bersama guru dan beramai-ramai, tetapi tidak semestinya semua langkah

pengajaran bacaan ini dilakukan seratus peratus sama dalam kedua-dua bahasa. Misalnya variasi boleh dilakukan untuk pengajaran aspek-aspek tertentu setiap bahasa seperti dalam mengajar ejaan, tatabahasa, kosa kata; atau kaedah susulan boleh dipelbagai - kalau dalam kaedah susulan pelajaran bahasa Melayu berupa lakonan, kaedah susulan bagi pengajaran bahasa Inggeris boleh diisi dengan perbincangan ataupun penulisan, dan begitulah juga sebaliknya. Kalaupun pertindanan (overlapping) berlaku dari segi cerita, ini tidak merugikan bahkan boleh dianggap sebagai suatu pengukuhan kemahiran bahasa yang sebagian besarnya bersifat sarwajagat.

Saya yakin kaedah dwibahasa ini dapat dilaksanakan dengan memperoleh hasil yang memuaskan. Sekali gus kanak-kanak kita belajar membaca dan berkomunikasi dalam dua bahasa. Dalam kehidupan sehari-hari bahasa (kod) digunakan berdasarkan tujuan dan situasi tertentu, tidak ada pemisahan berlaku terutama dalam interaksi tidak formal. Jadi mengapakah dalam proses memperoleh kecekapan dwibahasa guru-guru harus membuat pemisahan / kelainan bahan? Penterjemahan bahasa tidak bermakna pelaksanaan kaedah integrasi "rojak" dalam pengajaran kedua-dua bahasa di mana guru-guru bahasa Melayu bebas menggunakan bahasa Inggeris dalam darjah (seperti yang boleh terjadi pada guru-guru Melayu aliran Inggeris) ataupun guru-guru bahasa Inggeris yang lebih fasih dalam bahasa Melayu). Penterjemahan bahasa jika berlaku pun mestilah dengan tujuan pengajaran yang khusus sebagai strategi terakhir.

Penerbit-penerbit buku-buku bacaan tambahan dengan mudah dan ekonomis dapat menterjemah buku-buku yang sedia ada dalam pasaran kerana yang perlu diubah hanyalah bahasa buku. Di pandang dari sudut ekonomi, penerbitan buku-buku cerita dwibahasa ini berkemungkinan membuka dan meluas pasaran sehingga melipatgandakan permintaan sastera kanak-kanak. Dari sudut politik dan sosial pula, pendekatan ini boleh dilihat sebagai satu percubaan memenuhi hasrat sistem pelajaran negara-negara yang ingin mewujudkan pelajar-pelajar yang dwibahasa. Kewajaran dari aspek psikologi pendidikan merujuk kepada pemudahan - skema yang sama digunakan dalam dua kod bahasa membantu pengkhususan fikiran kepada pembelajaran bahasa yang kedua tanpa bebanan skema mental yang baru.

Memang mudah memberi saranan dari melaksanakannya, saya harap idea ini akan menarik perhatian pendidik bahasa untuk memikirkan lebih lanjut tentang bentuk dan pelaksanaan pendekatan / kaedah ini bagi disesuaikan dengan situasi masing-masing negara dan bahasa. Secara menyeluruh pendekatan ini boleh melibatkan rombakan kurikulum, tetapi saya percaya ia dapat dilaksanakan dengan baik dengan menggunakan kaedah ini dalam pengajaran bacaan bahasa Melayu dan Inggeris di mana yang sesuai. Satu kajian rintis perlu dilakukan untuk memastikan feasibiliti dan keberkesanan kaedah dwibahasa ini dalam menyediakan pelajar-pelajar yang mahir sekurang-kurangnya dalam dua bahasa.

Rujukan

1. Chen, P.S.J. (1983). Singapore Development Policies and Trends. Singapore: Oxford University Press.

2. Holdaway, Don. (1979). The Foundations of Literacy. Sydney, Australia: Ashton Scholastic.
 3. Kamsiah Abdullah (1990). Kaedah Menggunakan Buku Besar dalam Pengajaran Bacaan. Sekata, 10 (1), h 19-34.
 4. Mandler, J.M. & Johnson, N.S. Rememberence of things parsed: Story structure and recall. Cognitive Psychology, 9, 111 - 115.
 5. Ng, S.M. (1984). Reading Acquisition in Singapore. Singapore Journal of Education, 6 (2).
 6. Ng, S.M. (1986). Reading and Language Learning of Young Singapore Children. Kertas kerja yang disampaikan di Fourth Asian Workshop on Child and Adolescent Development, Singapore: 1 - 7 June.
 7. Rumelhart, D.E. (1975). Notes on schema for stories. Dlm D. G. Bobrow & A.M. Collins (Eds.), Representation and Understanding. New York: Academic Press.
 8. Rumelhart, D.E. (1977). Understanding and summarizing brief stories. dlm D. LaBerge dan S.J. Samuels (Eds.), Basic Processes in Reading: Perception and Comprehension (h 265 - 303). Hillsdale, N.J.: Erlbaum.
 9. Rumelhart, D.E. (1977). Schemata: The Building blocks of cognition. dlm R.J. Spiro, B.C. Bruce & W.F. Brewer IEds.) Theoretical Issues in Reading Comprehension, (h 33 - 58). Hillsdale, N.J.: Erlbaum.
 10. Thorndyke, P.W. (1977). Cognitive structure in comprehension and memory of narrative discourse. Cognitive Psychology, 9, 77 - 110.
-